

Shirley ke Sukan Unviversiti Dunia

UB 27.6.13 A14

KOTA KINABALU: Olahragawati Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2012-2013, Shirley Ling Shio Ling meneruskan langkah positifnya dalam sukan tenis apabila terpilih mewakili negara ke Kejohanan Sukan Universiti Dunia (Universiade) 2013 di Kazan, Rusia pada 6-17 Julai depan.

Pemilihannya itu berdasarkan pencapaian konsisten pada kejohanan-kejohanan tempatan dan luar negara.

Pemain berasal dari Sibiu, Sarawak yang kini melanjutkan pelajaran dalam tahun satu Program Sains Sukan di Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial (SPPS) UMS itu mula menonjolkan diri apabila terpilih mewakili Malaysia ke kejohanan Tenis bawah 14 tahun ITF di Myanmar ketika baru berusia 14 tahun.

Shirley kemudiannya mendapat kepercayaan mewakili Sarawak ke Sukan Malaysia (Sukma) pada 2008 dan 2010.

Beliau juga merupakan wakil Sarawak ke kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) sejak 2002 hingga 2009 dan terus memilih sukan tenis walaupun selepas melanjutkan pelajaran di UMS.

Tahun lalu, Shirley menang pingat perak acara individu pada Sukan Institusi pengajian Tinggi (SUKIPT) di Universiti Putra Malaysia.

Terbaru, Shirley adalah salah seorang anggota skuad tenis negara yang memenangi pingat acara berpasukan pada Kejohanan Sukan Indonesia-Malindo (Sukmalindo) di Bandung, Indonesia pada 16-19 Mei.

Pencapaian-pencapaian cemerlangnya itu jugalah yang mengangkat beliau sebagai pemenang anugerah Olahragawati UMS 2012-2013 baru-baru ini.

“Kita harap beliau dapat mengotakan sasarannya membawa pulang pingat dari Universiade.

“Apapun yang lebih penting beliau pasti balik dengan pengalaman bermakna bukan sahaja untuk dirinya sendiri tetapi untuk pemain-pemain tenis negeri dan negara kita,” kata Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika memberitahu perkara tersebut kelmarin.



ATLET UMS, Shirley bawa cabaran negara pada Universiade.